

# 'Kerajaan terbuka terima kritikan SST, tapi biar berfakta'

BERITA HARIAN 01 JUL 2025 m/s: 2

**Putrajaya:** Kerajaan terbuka menerima kritikan berhubung peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), namun pandangan mesti dibuat berasaskan fakta, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, prinsipnya keputusan berhubung peluasan skop sistem percukaian dibuat tanpa membebankan majoriti rakyat.

"Apa yang dibangkitkan mengenai SST, saya lihat ada beberapa mahasiswa mengeluh katanya kadar elektrik naik.

"Saya tak faham apakah benar dia terkesan, umpamanya jika ada universiti mengenakan kadar elektrik bagi mahasiswa. Kalau benar, itu kita harus betulkan dan yang saya tahu universiti awam dikecualikan.

"Jadi, hal-hal ini disebar kerana kebebasan itu jadi ruang fitnah, ruang maki hamun dan saya harap saudara saudari,

adik-adik kita atau anak-anak kita tolong berikan fakta, saya tidak ada masalah orang menegur dan mengkritik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Anwar menjelaskan, cukai amat penting kerana membantu memberi hasil kepada negara bagi membolehkan pelbagai kemudahan untuk rakyat dibina dan dibangunkan.

"Jika sesebuah negara tak ada cukai langsung, tak mungkin dapat bina sekolah, gaji penjawat awam pun sudah dinaikkan sebab cukai tak ada.

"Jadi, cukai ini kalau boleh jangan bebankan rakyat terbanyak dan sebab itu kadar elektrik yang diputuskan oleh Jemaah Menteri, harus elak daripada membebankan rakyat ta-



Keratan akhbar BH 12 Jun lalu.

pi andai kata ada satu dua yang terkena, boleh kita baiki," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menjelaskan, keputusan mengenakan SST kepada buah-buahan import antaranya bertujuan menggalakkan hasil penanaman tempatan kerana negara memiliki tanah yang subur serta potensi pertanian yang luas.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tetap bersikap terbuka untuk membuat pengecualian cukai sekiranya wujud keperluan sedemikian.

"Ini sama seperti permintaan daripada pemain industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) supaya nilai ambang kelayakan SST dinaikkan. Oleh itu, kita naikkan (daripada RM500,000) kepada RM1 juta, seperti yang diumumkan (sebelum ini). Ini menunjukkan kerajaan mendengar dan bertindak berdasarkan keperluan semasa," katanya.

Mengenai pembinaan Kota MADANI, Anwar berkata ia wajar dipertahankan kerana bakal memberi manfaat besar kepada penjawat awam.

Katanya pembangunan projek berkenaan antara usaha kerajaan menyediakan perumahan selesai yang dilengkapi pelbagai kemudahan kepada penjawat awam tanpa membebankan kewangan negara.

"Baru-baru ini, kita luncurkan Kota MADANI dan seperti biasa semua isu itu jadi bahan

hentaman politik, saya tak kisah, tapi cuma nak sebut kita (kerajaan) tahu mengenai masalah perumahan (penjawat awam).

"Sebab itu bagi penjawat awam, perhatikan faktor ini dan pertahankan konsep ini kerana ramai yang tidak senang, entah dia mewakili kontraktor ataupun yang lain-lain tapi saya tidak faham mengapa tidak boleh dukung (pembangunan untuk penjawat awam)," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan juga serius menangani dan menyelesaikan isu kuarters rosak yang membelenggu penjawat awam.

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, hampir 98 peratus unit kuarters yang rosak dibaik pulih dan kini dihuni semula, tapi kita tahu itu belum cukup kerana masih ada ribuan lagi yang menunggu (giliran mendapatkan kuarters)," katanya.